

MAHATHIR-MAS

(I)

1984

KUALA LUMPUR, 4 APRIL (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDANG MENGAJAI KEMUNGKINAN MENGADAKAN PENYERTAAN SEKTOR SWASTA DALAM SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA (MAS), KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI PERCAYA PENCLLBATAN SEKTOR SWASTA AKAN MEMBANTU MENYALURKAN LEBIH BANYAK WANG DALAM MAS DAN MEMBOLEHKAN SYARIKAT PENERBANGAN ITU MEMPERBAIKI DAN MENGEMBANGKAN PERKHIDMATANNYA.

"OENGAN PENYERTAAN SEKTOR SWASTA, MAS BOLEH BERKEMBANG KE DESTINASI-DESTINASI BARU, MEMPERBAIKI PERKHIDMATANNYA DALAM NEGERI DAN MENARIK LEBIH RAMAI PELANCONG KE MALAYSIA," KATANYA.

BELIAU BERKATA LANGKAH-LANGKAH JUGA BOLEH DIAMBIL BAGI MENURUNKAN KADAR SEWA 4 BILIK LINGGI YANG DIKENAKAN OLEH HOTEL-HOTEL TEMPATAN. BILANGAN PELANCONG KE SINI TELAH BERKURANGAN KERANA MEREKA LEBIH SUKA MENGINAP DI SINGAPURA DARIPADA NEGARA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMBAYANGKAN KEMUNGKINAN MAS MENJUAL SAHAMNYA KEPADA SEKTOR SWASTA SEBAIK SAHAJA IDEA ITU

DILAKSANAKAN. --LAGI 1528/AJ

BELIAU TIDAK DAPAT MENYATAKAN BILA PERKARA ITU AKAN DILAKSANAKAN KERANA IA CUM 4 DILULUSKAN OLEH KABINET DALAM MESYUARAT PAGI TADI.

DITANYA SAMA ADA PENGLIBATAN SEKTOR SWASTA ADALAH UNTUK +MENYELAMATKAN+ MAS YANG MENGALAMI KERUGIAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR HENEGASKAN MAS MEMERLUKAN LEBIH BANYAK WANG WALAUPUN PRESTASINYA SUNGGUH MEMBANGGAKAN, KHUSUSNYA DALAM MASA DUA TAHUN YANG LALU.

"MAS INGIN BERKEMBANG MAJU DAN LEBIH BANYAK WANG PERLU DISALURKAN KEPADANYA. WANG TERSEBUT TIDAK SEMESTINYA DARIPADA KERAJAAN TETAPI SEKTOR SWASTA.

"SAYA RASA PERCANTUMAN ANTARA KERAJAAN DAN SEKTOR SWASTA MUNGKIN MENGHASILKAN SESUATU YANG BAIK," TAMBAHNYA.

-- BERNAMA 1529/LK